

20 JUN 2002

Mahathir-Singapura/I

M'SIA HARAP SELESAIKAN HARGA AIR DENGAN S' PURA PADA MESYUARAT DUA HALA

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Malaysia yakin beberapa isu tertangguh dengan Singapura akan dapat diselesaikan apabila pegawai masing-masing mengadakan pertemuan dua hala di sini awal bulan depan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata mesyuarat dua hala itu akan cuba menyelesaikan beberapa isu tertangguh di antara kedua-dua negara terutamanya isu berkaitan harga air yang dijual kepada Singapura.

"Kami akan membincangkan semua isu berkenaan," kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas sesi persidangan Perhimpunan Agung Umno Ke-56 hari ini di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Ditanya akan harapan beliau mengenai perbincangan dua hala itu, Presiden Umno itu berkata Malaysia sentiasa menjangkakan "sesuatu yang baik" dalam perbincangan seumpama itu dan positif akan mencapai "beberapa kemajuan".

Kedua-dua negara mempunyai beberapa isu tertangguh yang masih belum diselesaikan termasuk pengeluaran wang rakyat Malaysia dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Pusat Singapura, nasib tanah milik Keretapi Tanah Melayu di Singapura dan penggunaan ruang udara Malaysia oleh jet pejuang Singapura.

Beberapa rundingan untuk menyelesaikan isu berkenaan telah diadakan sejak tahun lepas selepas satu persetujuan dicapai antara Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew dan Dr Mahathir pada 2000 untuk menggabungkan isu tertangguh itu dalam satu pakej.

Ditanya apakah isu yang kemungkinan akan diputuskan, Perdana Menteri berkata: "Kita kemungkinan akan memutuskan mengenai harga air."

Mengenai sama ada beliau yakin bahawa isu air akan dapat diselesaikan pada mesyuarat dua hala itu, Dr Mahathir berkata Malaysia mahu menjual airnya pada harga berpatutan mengikut kadar semasa.

"Saya fikir adalah tidak munasabah untuk menjual air pada harga 3 sen setiap seribu gelen sedangkan Hong Kong membeli air dari tanah besar China pada kadar RM8 setiap seribu gelen. Jadi apakah angka yang kita patut jadikan perbandingan," katanya.

Malaysia telah menjual air sejak negara jirannya itu mencapai kemerdekaan pada pertengahan 1960-an dan perjanjian menjual air kepada Singapura yang ditandatangani pada ketika itu akan tamat pada 2061.

Bulan lepas Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong mahu kedua-dua negara menyelesaikan isu tertangguh itu dengan cepat bagi membolehkan kedua-dua negara menumpukan menangani masalah serantau yang lebih penting seperti keganasan.

-- BERNAMA

SR AZZ RHM